

**PENGARUH SISTEM MATRILINEAL DALAM ADAT NEGERI SEMBILAN:
PERSPEKTIF SYARAK**

*EFFECTS OF MATRILINEAL SYSTEM IN NEGERI SEMBILAN CUSTOM : SYARIAH
PERSPECTIVE*

Fithriah Wardi, Mualimin Mochammad Sahid, Setiyawan Gunardi

Fakulti Syariah dan Undang Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

(Corresponding author) E-mail: fitriwardi@usim.edu.my

ABSTRAK

Adat perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan dan daerah Nanning serta Alor Gajah Melaka bermula dari dua bersaudara Datuk Perpatih Nan Sebatang dan Datuk Katamanggungan. Keduanya memiliki pertalian darah sama ibu namun berlainan bapak. Datuk Perpatih Nan Sebatang adalah pengasas kepada adat perpatih dan Datuk Katamanggungan adalah pengasas kepada adat temenggong. Adat perpatih mengamalkan sistem matrilineal yang mengambil garis keturunan dari sebelah ibu. Sedangkan adat temenggong mengamalkan sistem garis keturunan dari sebelah bapak. Dan inilah perbezaan yang mendasar antara adat perpatih dengan adat temenggong. Sistem matrilineal yang diamalkan dalam adat Perpatih memberikan pengaruh yang sangat besar bagi pelaksanaan adat. Misalnya dalam perkahwinan dan politik, sistem matrilineal memegang peranan yang sangat penting bagi terlaksananya dua perkara ini. Ramai yang beranggapan bahawa sistem matrilineal yang diamalkan ini bertentangan dengan amalan syarak, kerana menjadikan susur alur wanita sebagai penentu bagi pelaksanaan perkahwinan dan politik. Menerusi artikel ini penulis akan berusaha menghuraikan beberapa isu mengenai perkahwinan, perceraian, dan politik dalam adat perpatih, serta pandangan syarak terhadap sistem matrilineal yang diamalkan dalam adat ini.

Kata kunci: *sistem matrilineal, adat perpatih, perspektif syarak.*

ABSTRACT

Adat perpatih practised in Negeri Sembilan and Nanning district also Alor Gajah Melaka was started from two brothers Datuk Perpatih Nan Sebatang and Datuk Katamanggungan. Both of them are siblings by blood with the same mother and different fathers. Datuk Perpatih Nan Sebatang founded Adat Perpatih while Datuk Katamanggungan founded Adat Temenggong. Matrilineal system which is the tracing of descent through the female line is practised in Adat Perpatih. While in Adat Temenggong, patriarchal system which is the tracing of descent through the male line is practised. These are the fundamental differences between Adat Perpatih and Adat Temenggong. Matrilineal system practised in Adat Perpatih give a huge impact to the custom execution. For example, in marriage and politics, matrilineal system hold a vital role in the implementation of these two things. Most people assume matrilineal system as contradicting Syariah practices, because woman's lineage is considered as the determinants in the execution of marriage and politics. Through this article, the author will try to elaborate a few issues regarding the marriage, divorce, and politics in Adat Papatih, also the Syariah perspective towards matrilineal system practised in this custom.

Keyword (s): *matrilineal system, adat perpatih, Syariah perspective.*

PENDAHULUAN

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri bersaiz kecil sekitar 6646 km persegi atau 665,084 hektar. Negeri ini diapit oleh Selangor di utara, Pahang di timur, Johor di tenggara, Melaka di selatan dan selat Melaka sebagai perairan pantai. Negeri Sembilan mendapat nama daripada Sembilan buah luak (kawasan atau negeri) yang terdapat ketika itu atas persetujuan ketua pembesar. Negeri Sembilan bermaksud cantuman atau gabungan daripada Sembilan buah penempatan atau negeri yang diterokai (Mohd Rosli Saladin 2011).

Adat yang diamalkan di Negeri Sembilan dikenal sebagai Adat Perpatih, dan negeri ini sering disinonimkan dengan jolokan nama negeri beradat. Adat Perpatih menggunakan sistem suku bercorak matrilineal yang mengambil garis keturunan daripada sebelah ibu. Ia amat berbeza dengan Adat Temenggong yang menitikberatkan keturunan sebelah bapa.

Susur alur Adat Perpatih dimulai dari abad ke 15 yang dibawa secara bergelombang dari Minangkabau. Dan bahang empayarnya makin terasa selepas abad ke 17. Selepas satu perjanjian bersama antara Datuk Perpatih Pinang Nan Sebatang dengan Datuk Ketemenggongan, maka tercetus satu kesepakatan di mana kawasan laut diserahkan kepada Datu Ketemenggongan, sedangkan kawasan darat dimiliki oleh Datuk Perpatih. Maka sehingga ke hari ini kesepakatan ini terus berjalan apabila daerah Port Dickson bukan pengamal Adat Perpatih, sementara daerah daratan seperti Rembau, Jelebu, dan Kuala Pilah dikenal sebagai pengamal kuat adat ini.

Adat Perpatih terkenal dengan perbilangan yang menjadi sumber undang-undang. Ia juga boleh diperolehi dari petiti, sajak-sajak tradisi dan perbincangan adat. Di Negeri Sembilan Adat Perpatih mempunyai peruntukan mengenai pentadbiran dan perlembagaan, perkahwinan dan perceraian, anak angkat, dan sistem pewarisan (Noor Aziah Mohd Awal 2005).

Menurut Mohd Rosli Saladin pada mulanya ada beberapa orang pengkaji adat ini menganggap wanita-wanita di dalam masyarakat ini berkuasa terhadap pihak lelaki. Oleh itu, masyarakat ini digelar sebagai masyarakat “matrichal”. Namun setelah mereka memerhatikan masyarakat ini dengan teliti, didapati anggapan mereka adalah salah. Kedudukan wanita dalam masyarakat ini pada dasarnya hanya dipentingkan setakat bertujuan menyusur-galurkan keturunan dan mengira kekeluargaan. Oleh itu, masyarakat ini tidak lagi dipanggil “matriachal” tetapi masyarakat matrilineal atau masyarakat bernasab ibu (Mohd Rosli Saladin: 2011).

Dalam adat perpatih kaum perempuan disebut sebagai “bunda kandung”, ibu yang melahirkan anggota masyarakat atau ‘waris pusaka’. Sistem matrilineal menjadi dasar kepada keseluruhan tingkah dan dan tindak laku yang merangkumi sistem politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat adat perpatih.

SISTEM MATRILINEAL DALAM PERKAHWINAN

Di dalam adat perpatih institusi perkahwinan dijadikan salah satu charter kepada struktur dan organisasi masyarakat sebagaimana dinyatakan dalam perbilangan:

Hutang atas lima perkara:

*“Pertama kerat pusat
Kedua upah bidan,
Ketiga sunat rasul,
Keempat khatam mengaji, tindak daing,
Kelima nikah kahwin”*

Dalam masyarakat Adat perpatih perkahwinan dirujuk kepada perbilangan “syarak tidak menghalang adat tidak menggalang”. Ini bermakna perkahwinan hanya sah apabila diadakan oleh wali atau wakilnya, bersaksi dan membayar mas kahwin. Dan perkahwinan juga harus sah dari segi adat, iaitu tidak melanggar pantang larang adat.

Masyarakat adat sembilan memiliki pegangan adat perpatih yang menganut sistem matrilineal, bahawa garis keturunan mengikut nasab sebelah ibu. Anggota dalam satu suku memiliki hubungan yang

sangat rapat dan dekat. Antara anggota satu suku menganggap hubungan mereka bagaikan adik beradik dan anak beranak. Dan dipercayai bahawa anggota-anggota yang sama dalam suku ini berasal daripada satu nenek moyang yang mulanya membentuk keluarga, kemudian rumpun, perut. Dan apabila keturunan berkembang sejalan masa membentuk suku. Disebabkan anggapan bahawa anggota satu suku berasal dari satu perut (satu ibu) maka ada dua pilihan sistem perkahwinan yang diamalkan dalam adat perpatih, iaitu norma perspektif dan preferential. Norma perspektif ialah *eksogami* yang melarang seorang lelaki menikahi seorang perempuan dari sukunya sendiri atau sesuku. Sedangkan *norma preferential* pula ialah melakukan perkahwinan silang pupu, iaitu dengan anak gadis abang atau adik lelaki ibu; dan dengan anak gadis kakak atau adik perempuan ayah (Norhalim Hj Ibrahim 2007).

PERKAHWINAN NORMA PERSPEKTIF

Oleh kerana masyarakat Adat Perpatih memiliki falsafah hidup yang tersendiri, maka perkahwinan juga tidak boleh lari daripada adat. Ia terpaksa tunduk di bawah peraturan dasar yang telah ditetapkan adat.

Dalam masyarakat Adat Perpatih perkahwinan dilihat sebagai hubungan antara dua suku atau dua perut (ibu). Yang artinya perkahwinan yang digalakkan adalah antara dua orang yang berlainan suku (*eksogami*). Dan dipercayai bahawa sekiranya terjadi perkahwinan dalam suku yang sama keluarga itu tidak akan berkembang dan membesar. Perkahwinan yang ideal dalam masyarakat adat ini adalah antara pasangan yang berlainan suku, lain suku lain waris.

Ada bersaudara, saudara dipertahankan,

Ibarat telur sesangkak:

Pecah sebiji, pecah semua;

Hina seorang, hina sesuku.

Di samping kepercayaan yang anggota sesuatu suku itu adik-beradik, dipercayai juga bahawa larangan adalah akibat sumpah antara nenek moyang daripada berbagai-bagai suku. Kononnya pada zaman dahulu nenek moyang yang meneroka negeri ini telah bersetia agar keturunan mereka mencari jodoh di luar suku masing-masing. Implikasi daripada kepercayaan ini seluruh ahli masyarakat adat mestilah tertakluk.

Sebab diberlakukannya sistem perkahwinan *eksogami* dalam masyarakat adat perpatih adalah:

1. Demi mengekalkan dan melanjutkan perhubungan persaudaraan dalam suku. Dan secara tidak langsung memperkukuh lagi kekuatan moral masyarakat adat. Dengan cara ini anggota lelaki akan memandang dan menganggap anggota perempuan yang sesuku dengannya sama ada sebagai ibu, kakak, adik/anak yang patut dihormati, dilindungi, dan disayangi.
2. Perkahwinan luar suku akan mengeratkan hubungan dan menggabungkan suku-suku yang berlainan tersebut dalam satu kombinasi kekeluargaan yang diistilahkan sebagai semenda dan tempat semenda. Si suami sebagai pihak mendatang (konsep tempat tinggal selepas berkahwin dalam masyarakat ini adalah matrilocal atau oksorilokal) digelar orang semenda dan pihak menanti (si isteri dan kaum keluarga sesukunya) bergelar tempat semenda. Dan begitu sebaliknya si isteri daripada pandangan kaum keluarga sesuku si suami. Oleh sebab orang semenda dalam sesuatu suku (mungkin juga dalam serumah) terdiri daripada beberapa suku, maka dengan sendirinya wujud hubungan antara suku. Tegasnya sistem perkahwinan atau semenda-menyenda dalam masyarakat adat ini memateraikan satu jalinan social yang menyeluruh dan membantu menyempurnakan kekitaan (*esprit de corps*) di kalangan masyarakat adat.
3. Untuk mengawal perbuatan sumbang atau terlarang antara lelaki dan perempuan, terutama di kalangan anggota sesuku. Disamping itu, oleh sebab perkahwinan adalah *eksogami* yang menularkan jalinan kekeluargaan, maka konsep saudara tidak lagi terhad kepada sukunya sendiri (sebagai orang tempat semenda) tetapi juga suku-suku abang atau adik atau kakak ipar (orang semenda). Sebagai saudara, maka

secara otomatis hukum bersaudara (adat bersaudara, saudara dipertahankan) berkuat kuasa (Norhalim Hj Ibrahim 2007).

Sekalipun perkahwinan sesuku dilarang, namun adat ada memberikan jalan keluar bagi pasangan lelaki dan perempuan sesuku yang hendak menikah. Bak kata pepatah:

Adat:

Kok tinggi bak langit,

Kok keras bak batu,

Ibarat mengompang dan beralahan.

Ibarat memagar ada berpintu.

Maksudnya ada garis-garis adat yang perlu diikuti oleh teruna dan dara agar boleh dikahwinkan iaitu dengan mengeluarkan lelaki daripada sukunya dan dikodinkan kepada suku yang lain. Dengan cara ini dapatlah perkahwinan ini diteruskan (Khalid bin Bonget 2007).

PERKAHWINAN NORMA PREFERENTIAL

Norma Preferential adalah melakukan perkahwinan silang pupu, iaitu dengan anak gadis abang atau adik lelaki ibu; dan dengan anak gadis kakak atau adik perempuan ayah. Dalam bentuk pemilihan jodoh ini, walaupun mempunyai kaitan biologi yang sama dengan hubungan pupu selari tetapi oleh sebab masyarakat ini mengamalkan sistem nisab ibu, tergolong dalam persenakan yang berlainan.

Perkahwinan silang pupu (*norma preferential*) ini sering dilakukan terutama apabila tiadanya anak perempuan untuk meneruskan atau mengembangkan suku. Ini juga berkait rapat dengan harta pusaka adat yang hanya boleh diwarisi oleh perempuan dari suku tersebut (Noor Aziah Mohd Awal 2005).

Perkahwinan silang pupu mewujudkan hubungan yang rapat antara kelompok sesisi jika dilakukan daripada generasi ke generasi. Hubungan ini juga dikekalkan melalui perkahwinan silang pupu klasifikasi, misalnya dengan anak gadis kepada anak perempuan abang atau adik lelaki emak kepada emak, atau dengan anak gadis kepada anak perempuan kakak atau adik perempuan ayah kepada emak.

PERKAHWINAN SUMBANG

Norhalim Ibrahim menyatakan bahawa dalam masyarakat adat perpatih, selain larangan perkahwinan menurut hukum syarak, terdapat juga larangan menurut adat. Larangan adat tersebut terbahagi kepada dua sebagai berikut:

1. Larangan perkahwinan sesuku (indogami) atau diistilahkan oleh adat sebagai sumbang melintang.
2. Larangan perkahwinan antara saudara pupu selari.

1. Sumbang Balai Melintang

Dihambat dek syarak,

Digalang dek adat.

Jika berlaku juga perkahwinan bentuk ini, adat mengistilahkan perbuatan itu sebagai sumbang sewaris. Namun pertambahan penduduk yang pesat di sesetengah tempat dan suku, kesumbangan ini telah dilunturkan: dan yang dilarang ialah perkahwinan seperut. Dari segi adat perkahwinan seperut ini diadakan sebagai sumbang sekedim. Sehingga kini sumbang sekedim ini masih kekal sebagai larangan eksogami yang terkecil.

Secara keseluruhan, kedua-dua jenis sumbang ini dikatakan sebagai sumbang balai melintang. mengikut kepercayaan perkahwinan jenis ini jika dilakukan juga akan mengakibatkan:

Kok ke darat sial balau,
Kok ke laut tumpul garam;
Kok beranak laut cukup sifatnya,
Ditimpa dek bisa besi kawi.

2.Perkahwinan pupu selari

Perkahwinan pupu selari boleh dibahagi kepada dua kategori, iaitu pupu selari sebelah ibu dan pupu selari sebelah ayah. Kategori pertama perkahwinan pupu selari ini adalah bersamaan dengan larangan sumbang balai melintang. Pasangan yang ada kaitan pupu selari sebelah ibu bermakna mereka adalah anggota daripada satu suku. Dan perkahwinan pupu selari kategori yang pertama dilarang.

Larangan ini tidak terhad kepada tingkat pupu seibu tetapi juga jenis pupu klasifikasi, senenek misalnya. Larangan ini disebabkan pasangan itu menganggotai satu suku yang sama.

LARANGAN MELAKUKAN POLIGAMI DENGAN PEREMPUAN SESUKU

Antara larangan perkahwinan dalam adat perpatih iaitu larangan bagi seorang lelaki untuk berkahwin dengan dua orang wanita atau lebih dari suku yang sama. Sekiranya isteri meninggal dunia maka suami diizinkan bahkan digalakkan untuk melakukan *sororate*, iaitu berkahwin lagi dengan saudara perempuan arwah isterinya. Perkahwinan jenis ini disebut ganti tikar. Sebaliknya jika suami yang meninggal, isteri tidak dibenarkan berkahwin dengan adik suaminya (Norhalim Ibrahim 1997).

PERCERAIAN DALAM ADAT PERPATIH

Jika berlaku ketidak serasian dalam rumah tangga yang mengakibatkan keretakan rumahtangga, pasangan tersebut akan dipanggil berunding bersama-sama keluarga isteri dan buapak. Melafazkan talak adalah langkah terakhir. Jika semasa berkahwin pihak lelaki dijemput dengan tapak sireh maka bukanlah mudah menyuruhnya turun dari rumah isterinya kerana 'hutang dibayar, piutang diterima' oleh tempat semenda. Biasanya lafaz talak dibuat di hadapan tempat semenda atau buapak namun hari ini ia hendaklah dibuat di hadapan dan kebenaran mahkamah syariah (Noor Aziah Mohd Awal 2005).

Selepas terjadi perceraian, dibuat pembahagian harta mengikut perkara yang digariskan oleh adat seperti kata perbilang:

Harta pembawa kembali,
Harta dapatan tinggal,
Harta carian bahagi.

Artinya harta pencarian lelaki semasa bujang tidak boleh dituntut atau dipertikaikan oleh bekas isteri atau keluarga isterinya. Harta bekas isterinya yang didapatinya sebelum berkahwin juga tidak boleh dipertikaikan oleh bekas suami dan keluarganya. Manakala harta sepencarian pula dibahagi dua. Namun demikian sekiranya pasangan ini mempunyai anak lebih-lebih lagi masih kecil dan dalam tanggungan, biasanya bekas suami tidak mengambil harta-harta carian itu tetapi diberikan kepada anak-anak. Dalam Adat Perpatih juga anak-anak adalah hak mutlak ibunya. Menjadi satu keaiban sekiranya anak dibela pelihara oleh bekas suami (Khalid bin Bonget 2007).

SISTEM MATRILINEAL DALAM POLITIK

Noor Aziah Haji Mohd Awal (2005: 2) menyatakan bahawa susur galur pemerintahan dalam masyarakat adat perpatih adalah seperti berikut:

Yam Tuan Besar (Negeri)

|

Undang (Daerah /Luak)

|

Lembaga (Suku)

|

Buapak (Perut)

|

Mamak (Saudara lelaki sebelah ibu)

Sistem unilateral-matrilineal ini adalah dasar adat perpatih. Suku merupakan gabungan daripada beberapa perut yang masing-masing berkongsi nenek moyang. Walaupun sistem adat perpatih berasaskan perut sebelah ibu namun dari sudut pemerintahan dan pentadbiran adat, saudara lelaki sebelah ibu adalah ketua keluarga yang disebut mamak. Untuk menjadi buapak juga biasanya adalah lelaki dari perut yang ditentukan dan seterusnya sampailah kepada Lembaga, Undang dan Yang di-Pertuan Besar semuanya lelaki tetapi mengambil asas atau dasar dari perut sebelah ibu. Dengan yang demikian, jika satu suku itu tiada anak perempuan, maka hak mereka terputus dengan anak lelaki kerana anak lelaki akan berkahwin dengan seorang wanita dari suku yang lain (kerana perkahwinan sesuku adalah dilarang) dan dengan demikian, suku anak-anaknya adalah suku isteri dan bukan lagi suku beliau. Dari sudut ini didapati wanita mempunyai kedudukan yang tinggi kerana perut ibu (wanita) adalah satu-satunya penentu siapa yang berhak kepada pucuk pemerintahan Adat Perpatih seperti Perut, Suku, Luak dan Negeri. Melalui wanita jugalah (perut) seorang lelaki berhak menuntut haknya dalam hierarki pemerintahan.

Dalam masyarakat adat perpatih wanita memiliki istilah adat yang disebut sebagai “Ibu Soko”. Mereka diberi tempat utama serta dimuliakan:

Tiang seri rumah pusaka,
Pusat jala kumpulan tali,
Semarak dalam kampung,
Hiasan dalam negeri.

Ibu soko memiliki kedudukan yang tinggi, sangat dikagumi, dan disanjung tinggi oleh masyarakat adat perpatih. Dari sumber rajamenangis.blogspot.com.my menyatakan bahawa “Ibu soko” adalah ibu-ibu waris yang berkuasa menentukan pemerintah di setiap negeri, wilayah dan kawasan yang berkenaan. Di mana-mana wilayah Adat Perpatih kuasa memerintah diberikan kepada pihak lelaki tetapi kuasa memilih pemerintah adalah ibu-ibu soko. Menurut Mohd. Rosli Bin Saludin (2007:121) Ibu Soko mempunyai kuasa yang istimewa dan tersendiri. Kuasanya tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun. Di dalam segala hal Adat Perpatih Ibu Soko patut menjalankan fungsinya. Dalam pelantikan buapak dan lembaga peranan ‘Ibu Soko’ sangat penting sebagai tanda asal keturunan calon tersebut, dan ‘Ibu Soko’ sahaja yang layak untuk mengesahkannya. Ibu Soko biasanya perempuan yang paling tua, matang, dan dialah yang memegang adat. Hal inilah yang menyebabkan Ibu Soko mempunyai kuasa di dalam masyarakat adat.

PANDANGAN SYARAK MENGENAI PERKAHWINAN ANTARA SANAK KERABAT

Dalam islam tidak ada sebarang nas al-Qur`an dan hadits yang melarang perkahwinan antara kerabat atau sesama suku, dalam al-Qur`an selepas Allah menyebutkan wanita-wanita yang haram untuk dikahwini maka Allah mengatakan “Dan (sebaliknya) dihalkan bagi kamu perempuan perempuan yang lain daripada yang tersebut itu, untuk kamu mencari (isteri) dengan harta kamu secara bernikah, bukan secara berzina” (an-Nisa: 24), yang artinya boleh berkahwin dengan wanita yang memiliki hubungan kekerabatan yang tidak masuk dalam kategori yang diharamkan dalam ayat ini. Bahkan Rasulullah SAW mengahwinkan anak perempuan beliau Fatimah RA kepada Ali RA yang merupakan anak kepada bapak sedara beliau. Rasulullah SAW juga mengahwinkan Zainab dengan Abu al-Ash bin ar-Rabi’ yang merupakan anak saudara Sayyidah Khadijah RA. Ini menunjukkan bahawa tidak ada

sebarang halangan daripada syarak untuk melakukan perkahwinan antara kerabat atau satu suku (al-Haddad 2007).

Namun ada perbincangan sahabat dan fuqaha untuk menggalakkan berkahwin dengan orang yang berlainan suku dan tidak memiliki hubungan kerabat atau satu suku. Dirwayatkan dari Umar RA bahawa dia menggalakkan berkahwin dengan orang yang jauh demi melahirkan zuriat yang kuat (Ibnu Hajar al-Asqalani 1997).

Dalam kitab Mughni al-Muhtaj dinyatakan: sesungguhnya Imam Syafii menyebutkan bahawa disunnahkan bagi seorang lelaki untuk tidak berkahwin dengan perempuan dari kalangan kerabatnya/sukunya. Dan al-Zunjani menyebutkan alasan disebalik pelarangan ini bahawa di antara tujuan perkahwinan adalah menyambungkan hubungan di antara berabang kabilah (suku), agar dapat saling sepakat dan tolong menolong (al-Khatib asy-Syarbini: 2/122). Dalam kitab Mathalib Ulin-Nuha juga terdapat tegahan untuk melakukan perkahwinan dengan orang yang memiliki hubungan kerabat/suku, kerana ikatan perkahwinan tidak dapat dipastikan untuk tidak terjadi perceraian, sehingga sekiranya terjadi perceraian dalam sebuah perkahwinan di antara kerabat/suku dikhawatirkan akan merusak hubungan kekerabatan/suku (5/9: 1961). Imam al-Ghazali juga menggesa untuk tidak mengahwini perempuan yang memiliki hubungan kekerabatan yang dekat (2:41).

Berdasarkan perbincangan sahabat dan fuqaha tentang tegahan untuk melakukan perkahwinan dengan orang yang memiliki hubungan kekerabatan/suku membuktikan bahawa sistem perkahwinan eksogami yang diamalkan masyarakat adat perpatih selaras dengan pandangan sahabat dan fuqaha. Sekalipun masyarakat Adat Perpatih memiliki identiti yang tersendiri dalam amalan perkahwinan, tidak bermakna adat ini berasing dan berjalan secara bersendirian. Khususnya yang berkaitan dengan persoalan agama. Syarat syarat perkahwinan di sisi hukum syarak tetap berfungsi secara mutlak seperti mana dalam masyarakat melayu islam yang lain. Dalam masyarakat adat Negeri Sembilan ada perbilangan yang harus dirujuk dalam perkahwinan:

Syarak tidak menghalang,

Adat tidak menggalang (Norhalim Ibrahim 1997).

Yang maknanya adat dan syarak kena berjalan secara bersama-sama, dan tidak boleh meninggalkan syarak semata-mata demi adat. Konsep perkahwinan eksogami yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih bertujuan untuk memberikan penekanan kepada memebesarkan suku demi mewujudkan satu kesatuan masyarakat. Hal ini juga bersesuaian dengan konsep ta'aruf dan memperluaskan hubungan umat yang diserukan di dalam al-Qur'an: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain) (al-Hujurat: 13).

Galakan dari para fuqaha untuk melakukan perkahwinan dengan orang yang berlainan suku dan tidak memiliki hubungan kerabat memiliki titik temu tujuan yang sama dengan amalan eksogami dalam perkahwinan Adat Perpatih, iaitu untuk membina hubungan yang lebih luas dengan suku yang berbilang, dan menciptakan hubungan yang erat dengan masyarakat melalui jalan perkahwinan.

Tatkala terjadi perceraian, maka sistem yang diamalkan dalam adat perpatih adalah menyerahkan hak pengasuhan anak kepada pihak isteri. Konsep yang diamalkan dalam Adat Perpatih ini juga sejalan dengan amalan syarak dan kesepakatan fuqaha secara am yang menyatakan jika terjadi perceraian maka hak penjagaan anak akan diserahkan kepada ibu.

KEUTAMAAN WANITA DALAM SYARAK

Disebabkan amalan sistem matrilineal yang digunakan oleh masyarakat Adat Perpatih terkadang memberikan kesan masyarakat adat ini lebih mengutamakan kaum wanita dan membelakangkan kaum lelaki. Terlebih lagi dengan isu harta pusaka adat yang diamanahkan kepada wanita sering disalah artikan sebagai satu bentuk dominasi wanita Adat Perpatih terhadap lelaki.

Sistem matrilineal yang mengambil garis keturunan dari sebelah ibu memiliki implikasi bahawa wanita dalam adat ini mengambil peran dalam hampir kesemua sisi kehidupan, ekonomi, sosial dan politik. Dan keikutsertaan wanita dalam berbagai sisi kehidupan masyarakat adat ini adalah sesuatu yang tidak boleh diabaikan. Bahkan dalam sistem politik dan pemerintahan, seorang wanita yang paling

dituakan di dalam suku atau yang dikenal dengan sebutan Ibu Soko adalah yang menjadi penentu seseorang berhak menyandang gelaran ketua Perut, Suku, Luak dan Negeri. Berdasarkan kepada kepercayaan bahawa asal mula lahirnya Perut, Suku, Luak dan Negeri adalah perut seorang wanita, maka tanpa pengesahan wanita/Ibu Soko pelantikan dalam pucuk pemerintahan adat tidak dapat diiktiraf.

Kedudukan tinggi yang dianugerahkan kepada wanita Adat Perpatih selaras dengan kemuliaan yang diberikan oleh agama Islam kepada wanita. Bentuk pemuliaan terhadap wanita disebutkan dengan jelas dalam hadis Nabi SAW ketika ditanyakan kepadanya siapakah manusia yang paling layak untuk diperlakukan dengan baik, Rasulullah SAW menjawab ibunya, dengan mengulangi jawapan ini sebanyak tiga kali (Muslim:2548). Hadis ini memberikan gambaran antara manusia yang paling dimuliakan dalam Islam adalah wanita/ibu. Kedudukan tinggi yang diberikan kepada wanita Adat Perpatih tidak serta merta menjadikan wanita memiliki kedudukan yang lebih tinggi dibanding lelaki. Misalnya dalam sistem politik/pemerintahan adat, kedudukan tinggi yang dimiliki wanita/Ibu Soko adalah hanya sekadar untuk mengesahkan pelantikan, dan yang memegang pucuk pimpinan tertinggi adalah lelaki. Ini sejalan dengan hukum syarak bahawa selayaknya pucuk pimpinan yang tertinggi adalah dinahkodai oleh seorang lelaki: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggung jawab terhadap kaum perempuan” (An-Nisa’ 34).

Amalan adat Perpatih yang menjadikan wanita sebagai sentral berbagai sisi kehidupan adat masuk dalam kaedah urf/adat yang dilegetimasi oleh Islam sebagai salah satu sandaran hukum selagi tidak bertentangan dengan nas. Selagi urf/adat suatu kaum telah berjalan dari masa ke semasa tanpa bertentangan dengan nas al-Qur’an ataupun Hadits Nabi SAW, maka ia patut untuk diraikan dan dipelihara. Islam mengiktiraf bahawa suatu adat boleh diterima apabila sudah menjadi kelaziman dan kebiasaan. Ini menunjukkan bahawa Islam menerima dan meraikan adat kebiasaan yang diamalkan oleh umatnya di tempat-tempat tertentu selagi tidak bertentangan dan bercanggah dengan hukum syarak. Sejarah perundangan sendiri menyaksikan apabila Rasulullah SAW berhadapan dengan permasalahan adat dan urf baginda mengambil sikap yang berbeza di antara satu adat dengan adat yang lain sama ada menerima adat tersebut, menolak sepenuhnya, atau menerima dengan pengubahsuaian suatu adat untuk diterima dalam hukum Islam (Nik Azam Nasri Nik Mahmood 2004).

PENUTUP

Sistem matrilineal yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih baik dalam sistem perkahwinan ataupun dalam sistem politik menjadikan pihak wanita sebagai penentu dan utama bagi terlaksananya sebuah perkahwinan dan politik adat. Adat Perpatih ini adalah bahagian dari urf/adat yang diperakui oleh Islam sebagai salah instrumen hukum syarak, selagi tidak berbenturan dengan nas al-Qur’an dan hadits Rasulullah SAW dan mengandungi masalah. Bahkan Rasulullah SAW ketika hendak menerapkan suatu hukum sentiasa memastikan bahawa urf/adat yang telah dilaksanakan oleh suatu kaum yang membawa nilai-nilai masalah diraikan dan diambil kira. Penempatan wanita sebagai standar atau sentral pelaksanaan adat oleh masyarakat Adat Perpatih dalam amalan perkahwinan dan politik nyata tidak bercanggah dengan hukum syarak. Kerana Islam adalah agama yang sentiasa memastikan bahawa maslahat dan kebajikan kaum wanita adalah antara perkara yang kena dijaga. Pemuliaan dan penghormatan wanita adalah perkara yang asasi dalam Islam, dan sistem matrilineal yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih memiliki tujuan dan intipati yang sama yaitu menghormati dan memuliakan wanita, kerana wanita adalah medium lahirnya sebuah masyarakat.

Rujukan:

Al-Qur’an al-Karim.

Abu Muhammad muwaffiquddin Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah (1405H). *Al-Mughni*, Darul Fikr, Beirut.

Ali as-Sa’idy al-’Adawy (1412 H). *Hasyiyah al-Adawi*.

Ahmad bin Abdul Aziz al-Haddad (2007). *Zawaj al-Aqarib Bayn al-Fiqh wat-Tib*, Pan Arab Human Genetics Conference 2007.

Ibnu Hajar al-Asqalani (1997). *Talkhis al-Habir*, Mu`assasah Qurthubah.

Ibnu Abdul Bar al-Ashim an-Namary al-Qurtubi (t.t). *al-Intiqah` Fi Fadha`il ats-Tsalatsah al-A`immah al-Fuqaha Malik Wasy-Syafi`i Wa Abi Hanifah Radhiyallahu `Anhum*, Darul Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.

Khalid bin Bonget (2007). *Adat Semenda Menyenda Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan*, Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Kamaluddin bin al-Hummam (1424 H). *Syarh Fath al-Qadir Ala al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*, Darul Kutub al-Ilmiyyah-Beirut.

Muhammad bin Ahmad al-Khatib asy-Syarbini (1994). *Mughni al-Muhtaj*, Darul Fikr, Beirut.

Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi. (t.t). *Sahih Muslim*. Dar Ihya Turas al-Arabi, Beirut.

Musthafa as-Suyuthi Ar-Rahaybani (1961). *Mathalib Ulin-Nuha Fi Syarh Ghayah al-Muntaha Wa Tajrid az-Zawa`id al-Ghayah wasy-Syarh*, al-Maktab al-Islami.

Mohd Rosli Saludin (2011). *Peranan Ibu Soko Dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan*, Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Noor Aziah Mohd Awal (2005). *Wanita Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan*. Kertas kerja.

Norhalim Hj Ibrahim (2007). *Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan*, Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Nik azam Masri Nik Mahmood (2004). *Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan di Negeri Kelantan; Kajian kes di antara Tahun 1999-2003*, (Disertasi Sarjana Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h 14).

Norhalim Hj Ibrahim (1997). *Sistem Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan*. Lembaga Muzium Negeri Sembilan.